

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU  
HASAN  
[ PARIT ]**

**SOALAN : Dato' Haji Mohd Zain Bin Abu Hasan  
[ Parit ] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan apakah bentuk transformasi  
yang ingin dibuat terhadap Pertubuhan  
Kerjasama Islam (OIC) dalam  
membolehkan OIC menangani pelbagai  
cabaran meruncing yang dihadapi oleh  
umat Islam serata dunia di alaf baru.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah memperkenalkan Program Tindakan 10 Tahun OIC (*OIC Ten-Year Programme of Action – TYPOA 2016-2025*), bagi membolehkan ia menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh umat Islam serata dunia di alaf baru ini.

3. Dokumen TYPOA tersebut mengandungi visi dan pelan tindakan strategik untuk tempoh 10 tahun, bagi meneruskan peranan OIC sebagai agen pembangunan dan keamanan, demi kesejahteraan umat Islam sejagat. Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota OIC.

4. Semasa Sidang Kemuncak OIC di Istanbul, Turki pada 14-15 April 2016, pemimpin-pemimpin OIC telah menerima pakai TYPOA 2016-2025 yang memberi fokus kepada 18 bidang keutamaan. Antaranya ialah keselamatan dan keamanan; Palestin dan Al-Quds Al-Sharif; pembasmian kemiskinan; membanteras keganasan; kewangan dan pelaburan; keselamatan makanan; sains dan teknologi; perubahan iklim; kesederhanaan; kebudayaan; memperkasakan wanita; hak asasi manusia serta tadbir urus yang baik.

5. Dengan adanya TYPOA 2016-2025, perancangan yang lebih efektif dan transformasi yang lebih berkesan akan dapat dilaksanakan oleh Sekretariat OIC bersama negara-negara anggota OIC bagi memperkasakan lagi pertubuhan ini.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN  
DARIPADA ABU HASAN [ PARIT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana perkembangan TVET di negara ini dan tidakkah ada cadangan untuk menyatukan pendidikan TVET di bawah Kementerian Pendidikan sahaja.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) telah mengarus perdana pendidikan vokasional setanding dengan aliran pendidikan perdana. Transformasi ini mencorak landskap baharu kepada sistem pendidikan negara yang berteraskan pencapaian kompetensi kemahiran dan akademik. KPM telah melaksanakan program Kolej Vokasional (KV) di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Program KV di ILKA dilaksanakan berdasarkan konsep kolaboratif iaitu perkongsian prasarana, peralatan dan sumber manusia yang terdapat di ILKA milik Kementerian lain.

KPM telah mendapatkan kerjasama ILKA dari pelbagai Kementerian untuk membantu menyediakan tempat bagi murid lepasan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) melalui Strategi Lautan Biru Negara (*National Blue Ocean Strategy-NBOS*). Sehingga kini program KV telah dilaksanakan di 14 Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia, dua (2) buah Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, dua (2) buah Kolej Kemahiran Tinggi Mara dan 237 GIATMARA seluruh negara di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dua (2) buah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan akan diperluaskan di ILKA yang lain pada masa hadapan.